




KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

ISNIN
4 Mei 2026



Pekerja Malaysia di Singapura dilindungi Perkeso bermula tahun ini

KUALA LUMPUR: Pelaksanaan perlindungan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bagi pekerja Malaysia di luar negara khususnya di Singapura, dijangka dilaksanakan tahun ini selepas kelulusan Parlimen diperolehi.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R. Ramanan berkata, kerajaan komited mempercepatkan pelaksanaan skim itu demi memastikan kebajikan pekerja rentas sempadan terus dilindungi secara menyeluruh.

Menurutnya, rang undang-undang (RUU) berkaitan akan dibentangkan selepas mendapat kelulusan Kabinet sebelum dibahas di Parlimen dalam masa terdekat bagi tujuan penguatkuasaan segera.

“Langkah itu mencerminkan kesungguhan kerajaan dalam memastikan semua pekerja termasuk di luar negara menerima perlindungan sosial setara seperti dinikmati pekerja domestik.

“Masalah seperti tekanan kerja, beban tugas dan keseimbangan kehidupan memerlukan perhatian segera kerana ia memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan mental pekerja,” katanya dalam sidang akhbar sempena Majlis Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2026 di Bukit Jalil di sini, semalam.

Sebelum ini, kerajaan bercadang memperluaskan perlindungan Perkeso kepada rakyat



R. RAMANAN (tengah) bergambar pada Majlis Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2026 di Bukit Jalil, Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

Malaysia yang bekerja di luar negara, khususnya pekerja rentas sempadan bermula dengan Malaysia-Singapura.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, langkah itu diambil susulan kebimbangan terhadap aspek keselamatan apabila secara purata satu kematian direkodkan setiap minggu atau 54 kes setahun dalam kalangan pekerja rentas sempadan.

Sementara itu, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan berkata, pekerja dalam sektor ekonomi gig juga tidak akan dipinggirkan, sebaliknya dimasukkan sebagai sebahagian

daripada skop perlindungan Kementerian.

Katanya, walaupun akta berkaitan ekonomi gig masih baharu, kerajaan telah menyediakan garis panduan jelas kepada majikan dan agensi berkaitan bagi memastikan kebajikan pekerja terjamin.

“Pihak majikan perlu mematuhi panduan yang ditetapkan bagi memastikan persekitaran kerja selamat dan kondusif, termasuk kepada pekerja gig yang semakin berkembang dalam ekonomi semasa,” katanya.

Tambah Khairul Firdaus, kerajaan juga akan mengambil tindakan tegas termasuk siasatan jika menerima laporan

berkaitan ketidakpatuhan majikan terhadap peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Katanya, penekanan terhadap kepentingan aspek-aspek seperti tekanan kerja, beban tugas, keseimbangan kehidupan dan hubungan di tempat kerja perlu diurus dengan baik bagi mengelakkan kesan negatif terhadap kesihatan mental pekerja.

“Usaha memperkuatkan kerangka perundangan termasuk melalui Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta pelaksanaan pelan strategik negara akan terus dipertingkatkan secara berterusan,” katanya.

Pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri ke Parlimen

Langkah perluas perlindungan PERKESO kepada pekerja Malaysia di luar negara

Oleh Nuratikah Athilya Hassan
nuratikah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 bagi memperluas perlindungan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kepada pekerja Malaysia di luar negara, akan dibentangkan pada sidang Parlimen akan datang.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R Ramanan, berkata pihaknya akan membawa rang undang-undang (RUU) itu selepas mendapat kelulusan Kabinet.

"Sebaik diluluskan Parlimen, pindaan akta ini akan berkuat kuasa serta-merta. Kita akan buat tahun ini sebab keselamatan dan kesihatan pekerja tidak boleh dibiar begitu sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja peringkat kebangsaan di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif PERKESO, Datuk Seri Dr



Ramanan (empat dari kanan) dan Khairul Firdaus (dua dari kiri) memegang buku Garis Panduan bagi Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka bentuk dan Pengurusan) Edisi 2026 pada majlis merasmikan Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja peringkat kebangsaan di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aziah Azmee/BH)

Mohammed Azman Aziz Mohamed.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan berkata, kerajaan akan meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 bagi membolehkan perlindungan diperluaskan kepada rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara, bermula dengan pekerja rentas sempadan Malaysia-Singapura.

Langkah proaktif itu bakal memanfaatkan kira-kira 480,000

warga tempatan yang selama ini bekerja tanpa jaringan keselamatan sosial yang kukuh.

Dirancang teliti
Ramanan berkata, skim berkenaan dirancang secara teliti supaya tidak disalahgunakan dan PERKESO mempunyai asas pelaksanaan inisiatif terabit.

Katanya, semua rakyat Malaysia berhak mendapat perlindungan sosial yang adil tanpa mengira lokasi mereka bekerja.

Sementara itu, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan, berkata Garis Panduan bagi Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2026 ditambah baik dengan aspek keselamatan mental.

Katanya, langkah itu bertepatan dengan tema 'Bersama Memastikan Persekitaran Psikososial Kerja yang Sihat' kerana kerajaan menyedari isu persekitaran

kerja termasuk kemurungan, buli dan masalah kesihatan mental adalah serius.

"Selama ini kita menekankan kepentingan aspek keselamatan fizikal di tempat kerja, namun kurang memberi perhatian serius terhadap isu psikososial.

"Pelbagai inisiatif, panduan dan tindakan akan diambil di peringkat KESUMA sebagai pengelola bagi memastikan isu-isu ini dapat dikawal dengan baik," katanya.

Kesejahteraan mental pekerja kini jadi keutamaan nasional

PETALING JAYA – Kesejahteraan mental dan emosi pekerja kini diangkat sebagai keutamaan nasional apabila kerajaan menegaskan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja tidak lagi boleh tertumpu kepada aspek fizikal semata-mata.

Bertemakan 'Bersama Memastikan Persekitaran Psikososial Kerja yang Sihat' bagi Sambutan Hari Sedunia Bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja Peringkat Kebangsaan 2026 semalam, ia mencerminkan keperluan mendesak untuk melindungi pekerja secara menyeluruh.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R. Ramanan berkata, tema tersebut bukan sekadar slogan tetapi ia adalah satu seruan tindakan yang mencerminkan realiti dan cabaran dunia pekerjaan masa kini.

Beliau berkata, kesejahteraan mental dan emosi pekerja tidak lagi boleh dipinggirkan, sebaliknya mesti diangkat se-

bagai keutamaan nasional.

"Sambutan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif global yang diraikan setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP).

"Namun, bagi kita di Malaysia, ia membawa makna yang lebih besar iaitu satu tekad berterusan untuk memastikan setiap pekerja bukan sahaja selamat secara fizikal, tetapi juga sihat dan sejahtera dari sudut mental," katanya dalam kenyataan semalam.

Terdahulu, beliau merasmikan Majlis Sambutan Hari Sedunia Bagi Keselamatan dan Kesihatan Di Tempat Kerja Peringkat Kebangsaan 2026, anjuran Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) dengan kerjasama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) serta Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).



RAMANAN ditemui selepas Majlis Sambutan Hari Sedunia Bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2026 sempena Hari Pekerja 2026 di Unifi Arena, Bukit Jalil, Kuala Lumpur semalam.

PERKESO COVERAGE

Move to protect Malaysians working abroad

KUALA LUMPUR: The government will table amendments to the Self-Employment Social Security Act at the next parliamentary sitting to expand coverage to Malaysians working abroad

Human Resources Minister Datuk Seri R. Ramanan said the move, which would begin with cross-border workers in Singapore, had received cabinet approval.

“We will submit this bill to Parliament. Once it is passed, the act



Human Resources Minister Datuk Seri R. Ramanan officiating at the Labour Day Mega Carnival in Kuala Lumpur yesterday. NSTP PIC BY AZIAH AZMEE

will be implemented immediately,” he said after officiating at the Labour Day Mega Carnival.

He said the amendments were crucial to addressing workplace safety and health.

Ramanan said the proposed amendments would complement Social Security Organisation (Perkeso) initiatives by extending protection to Malaysians commuting across borders or working


overseas.

“We have more than 400,000 Malaysians travelling in and out of Singapore. For them, safety protection is necessary.

“Last year, there were 54 fatal accidents, and they deserve the same protection as others.”

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced the proposal during the Labour Day celebration last Friday.

Bid to expand PERKESO protection for M'sians working abroad



By **KHOO JIAN TENG**
khoo.jianteng@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysians working abroad will receive expanded Social Security Organisation (PERKESO) protection under proposed amendments to the Self-Employment Social Security Act to be tabled at the next Dewan Rakyat meeting.

Human Resources Minister Datuk Seri R. Ramanan (*pic*) said the expanded protection, which will first begin for workers in Singapore, was necessary to safeguard the welfare and safety of Malaysians employed overseas.

"Last year alone, there were 54

fatal accidents involving Malaysians travelling to work.

"These are fellow Malaysians and they deserve fair protection just like everyone else," he said during a workplace health and safety celebration here yesterday.

Ramanan said the scheme had been carefully planned.

"PERKESO has had this scheme in mind for a long time.

"Earlier attempts to introduce it were difficult, but after improvements, it has now been approved."

Speaking on workplace well-being, he stressed that psychosocial issues and mental health concerns at work could no longer be ignored.

"I know, even when we go home, we are still getting messages from our bosses," he quipped.

"When I get home, even at one or two in the morning, I still receive messages about work," he added, drawing laughter from the crowd.

He said the theme for this year's World Day for Safety and Health at Work, which focuses on ensuring a healthy psychosocial environment, reflected modern workplace challenges.

Employers, he said, had been given guidelines through the ministry and related agencies to ensure safer and healthier work-

place environments.

He also announced a collaboration between the National Institute of Occupational Safety and Health and Tun Razak Exchange involving the construction sector and compliance monitoring under the Construction Industry Regulations 2024.

Ramanan said workplace safety education and emergency briefings should become standard practice at all programmes and events.

"People need to know where the exits are and what to do during emergencies, especially in unfamiliar buildings or venues," he said.